



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)
(The Association of Public Sector Accountants, Malaysia)

**MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN KE-29**

2018

ISI KANDUNGAN

Notis Mesyuarat Agung PSA Ke-29	2
Minit Mesyuarat Agung Ke-28	7
Laporan Tahunan PSA	25
▶ Pengenalan	25
▶ Objektif	25
▶ Carta Organisasi	26
▶ Ahli Majlis 2017/2018	27
▶ Juruaudit	29
▶ Bank Utama PSA	29
▶ Biro PSA 2017/2018	30
▶ Laporan Aktiviti PSA 2017/2018	32
Laporan Keahlian PSA 2017/2018	45
Laporan Kewangan PSA Tahun 2017	49
Tabung Pelajaran PSA	59
Senarai Calon Ahli Majlis	63
Usul / Cadangan	67
Perlembagaan PSA	71

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PSA KE-29



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)
(The Association of Public Sector Accountants, Malaysia)
Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan
No. Pendaftaran PPM-008-14-09041980

Ruj. Kami: PRSM(T) 01/01 Jld 4 (2)
Tarikh : 11 Julai 2018

**SEMUA AHLI
PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA
(PSA)**

YBhg. Datuk/Dato'/ Tuan/ Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PSA KE-29 TAHUN 2018

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang dikehendaki di bawah Fasal 7 Perlembagaan PSA dengan ini dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-29 akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **13 Ogos 2018 (Isnin)**
Masa : **9.30 pagi - 12.30 tengahari**
Tempat : **Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM Putrajaya**

3. Untuk makluman, senarai penuh Ahli Majlis dan Juruaudit PSA bagi Sesi 2017/2018 adalah seperti berikut:

Ahli Majlis

1. Encik Jafril bin Junit
2. Encik Zaharin bin Othman
3. Encik Abdul Majid bin Salleh
4. Cik Saadiah binti Yaacob
5. YBrs. Dr. N. Farahin binti Ali @ Ibrahim
6. Puan Naharriah binti Mohamed
7. Encik Mohd Farid bin Mohd Khalid @ Ayob
8. Encik Mohamed Syamsuddi bin Mohamed Shamsudin
9. Encik Muhammad Hadi bin Harith
10. Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali
11. Encik Saly Ezmi bin Solisan
12. Puan Hariyanti binti Dahlan
13. Kosong

Juruaudit

1. YBhg. Dato' Zamimi bin Awang
2. Tn. Hj. Rozaimi bin Idris

4. Selaras dengan Fasal 8(6) Perlembagaan PSA, tiga (3) orang Ahli Majlis yang dilantik melalui Fasal 7 akan melepaskan jawatan dan **bersetuju untuk tidak dicalonkan semula**. Ahli Majlis tersebut ialah:

1. Encik Abdul Majid bin Salleh
2. Puan Naharriah binti Mohamed
3. Encik Muhammad Hadi bin Harith

5. Pada masa yang sama, pelantikan dua (2) orang Juruaudit juga akan dilakukan. Sehubungan itu, semua ahli adalah diharapkan agar dapat mengemukakan cadangan calon untuk mengisi kekosongan **tiga (3) Ahli Majlis** dan **dua (2) Juruaudit** bagi sesi 2018/2019. Kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengesahkan kehadiran dan mengemukakan bersama senarai pencalonan Ahli Majlis, Juruaudit, Usul dan cadangan pindaan Perlembagaan PSA dengan mengembalikan surat jawapan yang dilampirkan melalui emel ke alamat su_psa@anm.gov.my sebelum atau selewat-lewatnya pada **27 Julai 2018**.

Sekian, terima kasih.

"Integrity . Trustworthy . Sustainability"



ABDUL MAJID BIN SALLEH C.A.(M)
Setiausaha Kehormat
Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA)
su_psa@anm.gov.my

AGENDA
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-29 TAHUN 2018
PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)

13 OGOS 2018 (ISNIN)
DEWAN SERBAGUNA, ARAS 7, JANM PUTRAJAYA

- 9.30 pagi** Pendaftaran & Sarapan Pagi
- 10.00 pagi** Sesi Taklimat Skim Akauntan Sektor Awam
- 11.00 pagi** Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-29
- Bacaan Doa
 - Ucapan Alu-aluan oleh:
YBrs. Encik Jafril bin Junit, Presiden, PSA
 - Ucapan Perasmian oleh:
YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia merangkap
Penaung PSA
- 11.20 pagi** Agenda Mesyuarat Agung PSA Ke-29
- Perutusan Presiden PSA
 - Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke-28
 - Membentang dan Menerima Laporan Tahunan PSA Ke-2017/2018
 - Membentang dan Menerima Laporan Kewangan PSA 2017
 - Memilih dan melantik Tiga (3) Ahli Majlis PSA sesi 2018/2019
 - Memilih dan melantik Dua (2) Juruaudit PSA sesi 2018/2019
 - Membahas Usul/Cadangan pindaan Perlembagaan PSA (jika ada)
 - Hal-hal Lain
 - Ucapan Penangguhan
- 12.30 tengahari** Jamuan Makan Tengahari dan Bersurai

SURAT JAWAPAN

Setiausaha Kehormat
 Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia
 d/a Jabatan Akauntan Negara Malaysia
 Kompleks Kementerian Kewangan
 No. 1 Persiaran Perdana, Presint 2
 62594 PUTRAJAYA
 Email: su_psa@anm.gov.my

Tuan,

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PSA KE-29 TAHUN 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan PRSM(T) 01/01 Jld 4 (2) bertarikh 11 Julai 2018 mengenai perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa saya AKAN/TIDAK DAPAT hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan PSA Kali Ke-29 yang tersebut.
3. Berikut adalah dicalonkan Ahli Majlis PSA bagi Sesi 2018/2019:

Bil.	Nama Calon	Kementerian/Jabatan/ Agensi
1.	_____	_____
2.	_____	_____
3.	_____	_____
4.	_____	_____
5.	_____	_____

4. Saya mencadangkan agar Perlembagaan PSA dipinda seperti berikut:

Fasal	Dipinda Seperti Berikut
_____	_____
_____	_____
_____	_____

5. Saya juga ingin mengemukakan usul untuk dibawa ke Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-29 seperti berikut:

Sekian, terima kasih.

Pencadang :

.....
Nama:

No. Ahli :

No. Tel:

Emel:

Tarikh:

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PSA KE-29



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PERASAMA)

(The Association of Public Sektor Accountants, Malaysia)

Didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan

No. Pendaftaran 2678 (SEL) 09.04.1980

PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PERASAMA)

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-28

PADA 14 OGOS 2017

BERTEMPAT DI GRAND BALLROOM, HOTEL EQUATORIAL PENANG

1.0 SENARAI KEHADIRAN

1. Abdul Majid bin Salleh
2. Adi Nawar Abdullah
3. Amiruddin bin Abd Manaf
4. Amirul Sufri bin Mohd Saharudin
5. Adilfizah binti Badarudin
6. Ahmad Faris bin Hashim
7. Armi Arfifi bin Azmi
8. Ahmad Naim bin Kamaludin
9. Aida Rohayu binti Abidin
10. Aidah Mohd Isa
11. Mohd Hairay bin Md Yusof
12. Anis Sofieana binti Amran
13. Annamalai A/L L Singaram
14. Ariff Anwar Abdul Rahim
15. Aris Isa
16. Eba Juiata binti Hj Taib
17. Aslina Asni Abu Bakar
18. Fauziah binti Abdullah
19. Au Chong Yee
20. Faziyatun binti Mohamed Yahya
21. Azhar bin Tamjis
22. Azida binti Abdul Aziz
23. Hariyanti binti Dahlan
24. Aziyati binti Azmily
25. Azlena Abd Jamil
26. Azli Ali
27. Azliana Azlin Lamakasauk
28. Azlisawati Mohamad

29. Dr. Shahril bin Baharim
30. Khairiani binti Ayob
31. Azmaliza Idris
32. Mat Nazri Harmine
33. Megat Amirul Zaini Jamalullail bin Megat Jamaludin
34. Brenda Marajan
35. Chuay Chia Hui
36. Mohamad Saiful Nizam Khan bin Abdul Sattar
37. Mohamed Syamsuddi bin Mohamed Shamsuddin
38. Mohd Farid bin Mohd Khalid @ Ayob
39. Dato' Hj Che Pee bin Samsudin
40. Mohd Khairuddin bin A Mulok
41. Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali
42. D. Joyce Christina Dhammaraj
43. Mohd Hadi bin Harith
44. Erda Ezdiani Haji Ahmad Toha
45. Farah Ezarena Musah
46. Naharriah binti Mohamed
47. Faridah Md Noor
48. Fatimah Islam Abdul Vaheed
49. Fauziah Hashim
50. Gian Soon Bao
51. Hafizah binti Borhanualdin
52. Hartini Mohd Zin
53. Hasliffah Hassan
54. Hasnah binti Yakub
55. Herlyna binti Hamid
56. Jamaluddin Ramli
57. Jando Ak Tawan
58. Khairudin Ali
59. Kong Yen Peng
60. Siti Khatijah Samsudin
61. Hanafi Husaini
62. Nor baizura Ishak
63. Norhasrin bin Katuk
64. Nor Zanzila Harun
65. Azamimah binti Alwi
66. Junaida Jahaya
67. Nor Azlin Abd Aziz
68. Noor Azlina binti Che Jian
69. Noor Farzana Mohd Noorulhadi
70. Noor Izatul Hisham bin Ab. Rahim
71. Noorlida binti Mohd Khalid
72. Noorshafine binti Saudin
73. Nor Fadhilah Ibrahim

74. Nor Shuhaiza Mohd Redzuan
75. Nor Yati Ahmad
76. Noratifah binti Mohamad Rusdan
77. Nording Mat
78. Norfaezah binti Amad Bistomam
79. Nur Aishah Mohammed Yaacob
80. Nur Azini Mohd Zaki
81. Nurul Aini Othmanul Hakim
82. Siti Nur Idayu binti Md Nor
83. Marsita Mustafa
84. Masni Aryanti Mohamed Amin
85. Maziah Abd Rahman
86. Maziah Musa
87. Mohd Arman bin Razali
88. Mohammad Zamri Yahya
89. Dr. Yacob bin Mustafa
90. Mohd Azizi Aspar
91. Zaharin bin Othman
92. Mohd Fakhrul Abdul Rahman
93. Mohd Harris Harun
94. Nasran Omar
95. Nazeitul Shima Sulaiman Sahari
96. Nazipah binti Jamaludin
97. Ng Peik See
98. Tan Chee Phin
99. Tuan Nur Farhan Jauhar binti Tuan Din
100. Tun Nor Azura Mohamed Hafizi
101. Tunganai Datu Alang @ Hj. Md Omar
102. Verawati Suardi
103. Wan Aimi binti Wan Ibrahim
104. Wan Mohd Aswad bin Wan Harun
105. Yeoh Hong Choon
106. Yuhasnan Dollah
107. Zaidah Omar
108. Zainun Kadir
109. Zalina binti Zainal
110. Zamani Azali
111. Zarina Ishak
112. Zyerullida Shaharudin
113. Poazi bin Rusdi
114. Prabhu A/L Chandra Sagar
115. Tuan Hj. Ramli bin Chik
116. Rashidah Md Rasib
117. Romie bin Kasman
118. Rosdi bin Abu

119. Roslie bin Rustam
120. Rosmalini binti Ahmad
121. Rosmarina Saha @ Saharuddin
122. Rusdi Ahmad @ Ali
123. Ruzinah Rukun
124. Saadiah Yacob
125. Saat Esa
126. Sabariah Yusof
127. Sadikin Aton
128. Salmiah Ramli
129. Saly Ezmi Solisan
130. Sarimah Ahmad
131. Saripah Daud
132. Saripudin Kanda
133. Shahrul Hisham Mat Nafi
134. Shahida Aرسال Abdullah Sani
135. Shahlan Md Shukur
136. Shamsudin Abdul Wahab
137. Sharifah binti Ismail
138. Sharlinazura Mohd Salleh
139. Siti Hajjar binti Arsat
140. Siti Mariam Mat Noh
141. Siti Noor Engriani Abu
142. Siti Suraya Sudin
143. Sunani Sanusi
144. Suryamulyono Jakobus
145. Syahrul Bariah Mohamed
146. Syalinna Majid
147. Afizan bin Md Razali
148. Dr. Mohd Anuar Mazuki
149. Noorazah Abd Aziz
150. Hawariah binti Idris
151. Mohd Yusof Wahid

2.0 UCAPAN ALUAN OLEH PRESIDEN PERASAMA

Tuan Presiden PERASAMA mengalu-ngalukan kehadiran dan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli PERASAMA yang hadir bagi menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Ke-28. Beliau berharap semua ahli PERASAMA yang mempunyai idea untuk tampil ke hadapan bagi memberi idea yang boleh membawa perubahan kepada PERASAMA.

Tuan Presiden memaklumkan pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh PERASAMA sepanjang tempoh 2016/2017. Antaranya adalah mengadakan *study visit* ke luar negara yang telah disertai oleh akauntan JANM dan luar JANM bagi memberi pendedahan kepada ahli PERASAMA di peringkat antarabangsa. Tuan Presiden juga memaklumkan kekangan yang dihadapi oleh akauntan-akauntan di JANM di mana kelulusan ke luar negara oleh Akauntan Negara Malaysia hanya diberikan kepada seorang atau dua (2) orang sahaja, maka peluang untuk turut serta adalah terhad.

Tuan Presiden turut memaklumkan bahawa dana yang digunakan untuk *study visit* ke luar negara tidak melibatkan dana PERASAMA tetapi menggunakan keuntungan PERASAMA sebagai koordinator penganjuran program *study visit* ke luar negara.

Tuan Presiden menyarankan Ahli Majlis PERASAMA supaya berfikir ke hadapan dengan merancang untuk adakan pelbagai aktiviti yang memberi peluang kepada semua ahli PERASAMA untuk turut serta.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-27

Minit Mesyuarat Agung PERASAMA ke-27 telah dicadangkan untuk disahkan oleh Pn. Faziyatun binti Mohamed Yahya dan disokong oleh Pn. Fauziah binti Hashim tanpa sebarang pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN TAHUNAN BAGI TAHUN 2016/2017

Laporan aktiviti PERASAMA bagi tahun 2016/2017 telah dibentangkan adalah seperti berikut:

4.1 MESYUARAT AHLI MAJLIS

Sebagai yang tercatat dalam laporan tahunan, Ahli Majlis telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga (3) kali selaras dengan perlembagaan PERASAMA yang menetapkan Ahli Majlis perlu mengadakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali.

4.2 AKTIVITI PERASAMA

Sebagai yang dilaporkan dalam laporan tahunan, antara aktiviti 2016/2017 yang dianjurkan oleh biro PERASAMA adalah seperti berikut:

BIRO EKONOMI

- i) Pertandingan PERASAMA Motohunt 2017 – satu pertandingan PERASAMA Motohunt 2017 telah diadakan pada 12 Mac 2017 di Ibu Pejabat JANM yang melibatkan penyertaan sebanyak 32 pasukan. Pertandingan ini juga disertai oleh Bank Muamalat, selaku penaja rasmi Motohunt 2017 dengan menghantar 3 pasukan. Bahkan, pihak Bank Muamalat menunjukkan komitmen tinggi di mana YBrs. En. Wan Hosni bin Wan Kamal, Naib Pengerusi Bank Muamalat dan YBrs. En. Mohd Yaakub Bin Mohd Yunus, Ketua Seksyen Kerajaan dan Pengurusan Tunai Bank Muamalat, turut menyertai dan terlibat di dalam penyampaian hadiah kepada pemenang.
- ii) Pertandingan Bowling PERASAMA 2017 – Pertandingan Bowling Tertutup PERASAMA telah diadakan pada 7 Mei 2017 bertempat di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur. Pertandingan ini menerima penyertaan sebanyak 144 peserta dari JANM, Kementerian dan juga penaja utama RHB Islamic Bank. Pertandingan ini dirasmikan oleh YBrs.

Dr. Yacob bin Mustafa, Presiden PERASAMA dan YBhg. Dato' Adissadikin bin Ali, Ketua Pegawai Eksekutif RHB Islamic Bank.

BIRO PROFESIONAL

i) ***CIPFA Scotland Annual Public Finance Conference 2017***

Pada 30 hingga 31 Mac 2017, Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERASAMA) dengan kerjasama *The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy* (CIPFA) telah menyelaras penyertaan akauntan-akauntan sektor awam Malaysia ke *CIPFA Scotland Annual Public Finance Conference 2017* yang diadakan di Fairmont Hotel St Andrews, Scotland. Program ini bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada peserta berhubung isu dan perkembangan semasa dalam perakaunan sektor awam di peringkat antarabangsa.

ii) ***Persidangan 19th International Conference on Management, Finance and Accounting (ICMFA), Barcelona, Spain***

Pada 24 hingga 27 Mei 2017, Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERASAMA) telah menyelaras penyertaan akauntan-akauntan sektor awam Malaysia ke lawatan kerja ke *European Institute of Public Administration* (EIPA) dan *College of Chartered Accountants of Catalonia* dan penyertaan di ICMFA 2017: *19th International Conference on Management, Finance and Accounting* yang diadakan di Barcelona, Spain. Di persidangan ICMFA ini, peserta didedahkan dengan konsep persidangan akademik, yang berbeza dengan persidangan yang dianjurkan oleh *practitioner*. Kertas-kertas penyelidikan yang dibentangkan di persidangan ini merangkumi pelbagai bidang termasuk pengurusan tadbir urus, kewangan dan pengurusan kepimpinan

iii) ***Persidangan Tahunan The Chartered Institute Of Public Finance And Accountancy (CIPFA) 2017***

Pada 12 hingga 14 Julai 2017, Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERASAMA) dengan kerjasama *The Chartered Institute Of Public Finance And Accountancy* (CIPFA) telah menyelaraskan penyertaan akauntan-akauntan sektor awam Malaysia ke Persidangan


Tahunan *The Chartered Institute Of Public Finance And Accountancy* (CIPFA) 2017 yang diadakan di Manchester Central Convention Complex, Manchester, United Kingdom. Program ini diadakan dengan tujuan untuk memberikan pendedahan kepada para akauntan sektor awam berhubung isu-isu yang dibincangkan dan perkembangan yang mendalam berhubung pengurusan perakaunan dan kewangan dalam sektor awam di peringkat antarabangsa.

BIRO KEAHLIAN

- i) Bilangan keahlian PERASAMA – Keahlian PERASAMA sehingga 20 Julai 2017 telah meningkat kepada 702 orang. Penambahan bilangan keahlian ini disebabkan oleh perkhidmatan permohonan *ONLINE* yang telah diperkenalkan pada Disember 2016. Dalam jangkamasa enam (6) bulan perkhidmatan ini dilaksanakan, bilangan keahlian telah berjaya ditingkatkan kepada 112 orang.
- ii) Mengemaskini data peribadi ahli – Pengemaskinian data peribadi ahli telah dilakukan dengan menghantar emel kepada ahli yang telah kenalpasti. Sebanyak 85% ahli masih lagi belum mengemaskini kategori organisasi. Ini menunjukkan bahawa ahli masih lagi kurang kesedaran mengenai kewujudan pangkalan data ini. Walau bagaimanapun, proses pengemaskinian data ini adalah berterusan bagi memastikan persatuan ini mempunyai maklumat ahli yang terkini.
- iii) Permohonan keahlian secara *ONLINE* – Permohonan secara atas talian diperkenalkan bagi memudahkan proses permohonan keahlian bagi akauntan yang berminat. Kemudahan yang disediakan ini diharap dapat meningkatkan permohonan keahlian PERASAMA. Penambahbaikan kepada perkhidmatan ini sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa.

BIRO KOMUNIKASI

Logo Baharu PERASAMA

**BIRO TUGAS-TUGAS KHAS**

Beberapa siri kursus dan bengkel untuk program pendedahan dan pemakaian MPSAS di Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri telah diadakan seperti berikut:

1.	20 – 21 Oktober 2016	Pembentangan MPSAS 1, MPSAS 23 dan MPSAS 24 Seminar <i>Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)</i> kepada Pihak Berkuasa Tempatan	Four Points – Sheraton Penang
2.	25 Januari 2017	Pembentangan Format Penyata Kewangan Seminar MPSAS kepada Agensi Perintis Badan Berkanun Persekutuan yang Menggunakan Piawai MPSAS Tahun 2016	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
3.	25 – 27 Januari	Kursus Panduan Praktikal Penyediaan Penyata Kewangan	Hotel Bangi

	2017	MPSAS Kepada PTPTN	Putrajaya
4.	27 – 28 Februari 2017	Kursus Panduan Praktikal Penyediaan Penyata Kewangan Menggunakan Kaedah MPSAS Kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	Hotel Avillion, Port Dickson
5.	9 – 10 Mac 2017	Bengkel MPSAS Bagi Agensi-Agensi Badan Berkanun Dibawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	IPN-CPD
6.	7 – 8 April 2017	Bengkel MPSAS Majlis Perbandaran Kangar (MPK)	Pusat Marin, UPNM
7.	21 April 2017	Sesi Perkongsian Ilmu: Pembentangan Penyediaan Penyata Kewangan UPNM berdasarkan MPSAS	Jabatan Audit Negara
8.	29 April – 1 Mei 2017	Kursus MPSAS Kepada Majlis Perbandaran Seremban	Hotel Emperial Heritage, Melaka
9.	8 Mei 2017	Kursus Penyediaan Penyata Kewangan Menggunakan MPSAS untuk PBT Negeri Perak	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
10.	11 Jun 2017	Kursus Panduan Praktikal Penyediaan Penyata Kewangan Menggunakan MPSAS untuk PBT dan Badan Berkanun Negeri Kedah	Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK)

Laporan tahunan yang dibentangkan telah diterima sebulat suara tanpa pindaan seperti yang dicadangkan Puan Azida binti Abdul Aziz dan disokong oleh YBrs. Dr. Tan Chee Phin.

5.0 LAPORAN KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Tuan Presiden PERASAMA membentangkan Laporan Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016 seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan PERASAMA. Penyata Kewangan telah diaudit oleh Juruaudit Dalam iaitu Encik

Nasran bin Omar dan Encik Mohd Khairuddin bin A. Mulok dan diberikan sijil audit bersih pada 19 Julai 2017.

Penyata Kewangan yang dibentangkan telah diterima sebulat suara tanpa pindaan seperti yang dicadangkan Encik Sadikin bin Aton dan disokong oleh Encik Rosdi bin Abu.

6.0 TABUNG PELAJARAN PERASAMA

Mesyuarat mengambil maklum bahawa pentadbir tabung pelajaran PERASAMA yang telah dilantik oleh Ahli Majlis PERASAMA bagi tempoh 1 Jun 2016 hingga 31 Mei 2018 adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	YBrs.Dr Yacob b Mustafa
Timbalan Pengerusi	:	Puan Faziyatun bt Mohamed Yahya
Bendahari	:	Encik Fazli b Mohamad Khairuddi
Setiausaha	:	Puan Noraida bt Alias
Pentadbir	:	Puan Hajar bt Mohd Noor Puan Juliana bt Saleh Encik Mohd Farid b Mohd Khalid@Ayob

Bagi tempoh pelaporan, mesyuarat telah diadakan sebanyak 3 kali. Aktiviti Pentadbir Tabung bertumpu untuk menguruskan hal-hal berkaitan pembubaran Tabung Pelajaran PERASAMA memandangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan PERASAMA Ke 24 pada 13 Julai 2011 telah memutuskan Tabung Pelajaran PERASAMA ditutup dan baki aset dan liabiliti dipindahkan ke akaun PERASAMA. Justeru itu, tender penjualan satu (1) unit pangsapuri Tabung Pelajaran PERASAMA telah dikeluarkan dan dipaparkan di portal rasmi PERASAMA bertarikh 2 Mei 2017 hingga 31 Mei 2017 yang mana tawaran tender dibuka kepada ahli PERASAMA dan ahli PERASAMA yang telah bersara. Namun demikian tempoh tender tersebut dilanjutkan sehingga 31 Julai 2017 sebelum ditawarkan kepada orang awam sekiranya tiada sebarang tawaran diterima daripada ahli.

7.0 MEMBAHAS USUL / CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERASAMA

Mesyuarat telah menerima beberapa usul dan dibahaskan seperti berikut:

- i) Cadangan untuk pindaan perlembagaan bagi memasukkan klausa logo baharu PERASAMA untuk didaftarkan di dalam sistem e-ROSES.

Pencadang Usul : Encik Megat Amirul Zaini Jamalullail bin Megat Jamaluddin
Penyokong Usul : Encik Norhasrin bin Katuk
Keputusan : Ahli mesyuarat bersetuju dengan logo baharu PERASAMA dan didaftarkan di dalam sistem e-ROSES.

- ii) Cadangan untuk pindaan perlembagaan bagi pengguguran perkataan “Malaysia” daripada Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia kepada Persatuan Akauntan Sektor Awam. Mesyuarat dimaklumkan salah satu syarat yang perlu dipenuhi memandangkan PERASAMA didaftar sebagai satu persatuan di peringkat kebangsaan iaitu wakil ahli majlis perlu dilantik daripada tujuh (7) negeri yang berbeza.

Pencadang Usul : Encik Abdul Majid bin Salleh
Penyokong Usul : Semua Ahli Mesyuarat
Keputusan : Ahli mesyuarat tidak bersetuju untuk mengugurkan perkataan “Malaysia” kerana ia merupakan satu pengenalan dan penghargaan bagi mempromosikan persatuan di peringkat antarabangsa dan juga global. Tuan pengerusi memutuskan perkataan “Malaysia” dikekalkan dan memohon PERASAMA untuk memikirkan alternatif supaya mematuhi peruntukan yang berkaitan di dalam sistem e-ROSES.

iii) Cadangan pindaan perlembagaan PERASAMA ke dalam Bahasa Malaysia bagi memudahkan membuat sebarang pindaan perlembagaan. Mesyuarat dimaklumkan perlembagaan PERASAMA yang sedia ada adalah dalam Bahasa Inggeris.

Pencadang Usul : Encik Abdul Majid bin Salleh
 Penyokong Usul : Semua Ahli Mesyuarat
 Keputusan : Ahli mesyuarat bersetuju perlembagaan dipinda ke dalam Bahasa Malaysia untuk memudahkan membuat pindaan perlembagaan.

iv) Cadangan penggunaan singkatan "PSA" bagi menggantikan singkatan "PERASAMA".

Pencadang Usul : Encik Abdul Majid bin Salleh
 Penyokong Usul : Semua Ahli Mesyuarat
 Keputusan : Ahli mesyuarat bersetuju dengan singkatan "PSA".

v) Cadangan tambahan bilangan Ahli Majlis PERASAMA daripada 13 orang kepada 20 orang.

Pencadang Usul : YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa
 Penyokong Usul : Semua Ahli Mesyuarat
 Keputusan : Mesyuarat mengesyorkan PERASAMA berbincang di dalam mesyuarat Ahli Majlis berhubung tambahan ahli majlis dan juga kos yang terlibat.

8.0 PEMILIHAN AHLI MAJLIS SESI 2017/2018

Mesyuarat dimaklumkan seramai empat (4) Ahli Majlis bagi sesi 2016/2017 bersedia untuk melepaskan jawatan dan dinamakan untuk pemilihan. Ahli Majlis tersebut ialah:-

- i) YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa
- ii) YBhg. Dato’ Roslan bin A. Rahman
- iii) YBrs. Dr. Shahril bin Baharim
- iv) Tuan Haji Mat Nazri bin Harmine

Sehubungan itu, mesyuarat telah membuat pengundian baharu bagi melantik empat (4) orang Ahli Majlis dan dua (2) orang Juruaudit bagi sesi 2017/2018.

Keputusan pelantikan empat (4) orang Ahli Majlis dan dua (2) orang juruaudit ialah:

Bil.	Nama Calon	Jumlah Undian	Keputusan Pelantikan
1.	YBrs. Dr. N. Farahin binti Ali @ Ibrahim	80	Ahli Majlis
2.	Cik Saadiah binti Yaacob	65	Ahli Majlis
3.	Encik Saly Ezmi bin Solisan	64	Ahli Majlis
4.	Encik Jafril bin Junit	61	Ahli Majlis
5.	YBhg. Dato’ Zamimi bin Awang	27	Juruaudit
6.	Tuan Hj. Rozaimi bin Idris	20	Juruaudit

9.0 HAL-HAL LAIN

Mesyuarat memutuskan segala perbelanjaan yang melibatkan NAPSAC 2017 adalah masih di bawah kuasa Ahli Majlis Tertinggi PERASAMA yang terdahulu seperti yang telah dipersetujui Ahli PERASAMA.

10.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan oleh Tuan Presiden pada jam 10.30 malam dengan ucapan tahniah kepada ahli-ahli Majlis yang baru dilantik dan terima kasih kepada semua ahli yang hadir.



Setiausaha Kehormat PSA

Tarikh : 9 Oktober 2017



Presiden PSA

Tarikh : 10 Oktober 2017

LAPORAN TAHUNAN PSA



LAPORAN TAHUNAN PSA

PENGENALAN

Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) atau *The Association of Public Sector Accountants, Malaysia* didaftarkan di bawah Seksyen 7, Akta Pertubuhan 1966 pada 9 April 1980.


Kini usia penubuhan PSA telah menjangkau 38 tahun. Sepanjang tempoh penubuhannya PSA telah bergerak sebagai sebuah persatuan yang menaungi akauntan sektor awam di Malaysia.

OBJEKTIF

Objektif penubuhan PSA ialah seperti berikut:

1. Menyediakan saluran komunikasi yang diiktiraf dengan pihak berkuasa Kerajaan dan orang awam.
 2. Melindungi kepentingan dan kebajikan semua ahli persatuan.
3. Menjalankan aktiviti yang berkaitan secara kondusif dan bersesuaian bagi mencapai visi dan misi persatuan.
 4. Menganjurkan pelbagai aktiviti bagi mempromosikan hubungan baik persatuan dengan badan profesional perakaunan dan persatuan lain.
5. Mempromosi dan memupuk minat masyarakat dalam bidang perakaunan.

CARTA ORGANISASI PSA



AHLI MAJLIS PSA 2017/2018



Encik Jafril bin Junit
Presiden



Encik Zaharin bin Othman
Timbalan Presiden



Encik Abdul Majid bin Salleh
Setiausaha Kehormat



Puan Saadiah binti Yaacob
Bendahari Kehormat



Encik Mohd Farid bin Mohd
Khalid @ Ayob
Pengerusi Biro Ekonomi



Encik Saly Ezmi bin Solisan
**Timb. Pengerusi Biro
Ekonomi**



Mohd Shahrul Rezal bin
Mohd Ali
**Pengerusi Biro Kebajikan
dan Sosial**




YBrs. Dr. N. Farahin binti Ali
@ Ibrahim
Pengerusi Biro Profesional



Encik Mohamed Syamsuddi
bin Mohamed Shamsudin
**Timb. Pengerusi Biro
Profesional**



Puan Nahariah bt.
Mohamed
Pengerusi Biro Keahlian



Puan Hariyanti bt. Dahlan
**Timb. Pengerusi Biro
Keahlian**



Encik Muhammad Hadi bin
Harith
Pengerusi Biro Komunikasi



Encik Amirul Sufri bin
Mohd Saharudin
**Pembantu Bendahari
Kehormat**



Cik Siti Nur Idayu binti
Md Nor
**Pembantu Bendahari
Kehormat**



Encik Mohamad Saiful
Nizam Khan Abdul Sattar
**Pembantu Setiausaha
Kehormat**

JURUAUDIT PSA 2017/2018



YBhg. Dato' Zamimi
bin Awang
Juruaudit



Tuan Haji Rozaimi bin Idris
Juruaudit

BANK UTAMA PSA



AFFIN Islamic Bank Berhad
Cawangan PUTRAJAYA

PEJABAT BERDAFTAR

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1 Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA
Tel: 03-8882 1181 Email: councilpsa@anm.gov.my

BIRO PSA 2017/2018

BIRO EKONOMI

Pengerusi:

Encik Mohd Farid bin Mohd Khalid
@ Ayob

Timb. Pengerusi:

Encik Saly Ezmi bin Solisan

Ahli Jawatankuasa:

Encik Mohd Taufik bin Ahmad
Cik Azliana Azlin binti Lamakasauk
Puan Fauziah binti Abdullah
Encik Mohamed Faizal bin Mohd Raji

BIRO PROFESIONAL

Pengerusi:

YBrs. Dr. N. Farahin binti Ali @ Ibrahim

Timb. Pengerusi:

Encik Mohamed Syamsuddi bin
Mohamed Shamsudin

Ahli Jawatankuasa:

Encik Mazli bin Mohd Razali
Encik Ahmad Areaza bin Abdul Rahman
Cik Suhaila binti Sadaka Dullah
Cik Nurul Aini binti Mohammad Latif
Puan Khairunnisa binti Yahya

BIRO KOMUNIKASI

Pengerusi:

Encik Mohamad Hadi bin Harith

Ahli Jawatankuasa:

Encik Ronald Simon
Encik Iza Hilmi bin Zakaria
Puan Hartini binti Mohd Zin
Puan Aslina Asni binti Abu Bakar

BIRO KEBAJIKAN DAN SOSIAL

Pengerusi:

Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali

Ahli Jawatankuasa:

Encik Ariff Anwar bin Abdul Rahim
Encik Mohd Fakhrul bin Abdul Raman
Encik Hanafi bin Husaini
Puan Shazra Nazura binti Mohamad Firdaus
Encik Yuhassan bin Dollah

BIRO KEAHLIAN

Pengerusi:

Puan Naharriah bt. Mohamed

Timb. Pengerusi:

Puan Hariyanti bt. Dahlan

Ahli Jawatankuasa:

Puan Aziyati binti Azmily
Puan Khairiani binti Ayob

BIRO TUGAS-TUGAS KHAS

Pengerusi:

Kosong

MESYUARAT AHLI MAJLIS 2017/2018

Bagi sesi 2017/2018, sebanyak empat (4) Mesyuarat Ahli Majlis telah diadakan dengan kehadiran seperti berikut:

	Jawatan	Kehadiran
Encik Jafril bin Junit	Presiden	4/4
Encik Zaharin bin Othman	Timbalan Presiden	4/4
Encik Abdul Majid bin Salleh	Setiausaha Kehormat	4/4
Puan Saadiah binti Yaacob	Bendahari Kehormat	3/4
Encik Mohd Farid bin Mohd Khalid @ Ayob	Ahli Majlis	3/4
Encik Saly Ezmi bin Solisan	Ahli Majlis	4/4
Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali	Ahli Majlis	3/4
YBrs. Dr. N. Farahin binti Ali @ Ibrahim	Ahli Majlis	3/4
Encik Mohamed Syamsuddi bin Mohamed Shamsudin	Ahli Majlis	3/4
Puan Naharriah bt. Mohamed	Ahli Majlis	4/4
Puan Hariyanti bt. Dahlan	Ahli Majlis	2/3
Encik Mohamad Hadi bin Harith	Ahli Majlis	4/4

LAPORAN AKTIVITI PSA 2017/2018

a. Mesyuarat Agung Tahunan PSA 2017

Mesyuarat Agung Tahunan PSA ke 28 telah diadakan pada 14 Ogos 2017 di Grand Ballroom Hotel Equatorial Pulau Pinang bersempena Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Ke-28. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin, Akauntan Negara Malaysia selaku Penaung PSA. Seramai 151 orang ahli dari pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Bendahari telah hadir ke mesyuarat tersebut. Pada Mesyuarat Agung kali ini, empat (4) orang Ahli Majlis sesi 2016-2017 telah melepaskan jawatan dan pemilihan bagi empat (4) Ahli Majlis dan dua (2) juru audit yang baharu bagi sesi 2017-2018 telah diadakan.



Pendaftaran kehadiran ke Mesyuarat Agung Tahunan



Mesyuarat Agung Tahunan sedang berlangsung



Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PSA oleh YBhg. Dato' Hj. Che Pee bin Samsudin



Barisan Ahli Majlis PSA sesi 2016/2017



Pembentangan laporan tahunan oleh Setiausaha Kehormat PSA

b. Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Ke-28

Persidangan Akauntan Sektor Awam merupakan persidangan dwi tahunan perkhidmatan akauntan sektor awam. Pada tahun 2017, Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah menganjurkan Persidangan Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Ke-28 pada 15 hingga 16 Ogos 2017 bertempat di Hotel Equatorial Pulau Pinang. Persidangan ini telah disertai oleh 420 orang akauntan sektor awam dari pelbagai jabatan, agensi, pihak berkuasa tempatan, universiti awam dan badan berkanun. Pemilihan tema “**Integrity.Trustworthy.Sustainability**” adalah bertepatan dalam memastikan kelestarian peranan dan fungsi akauntan sektor awam seterusnya memperkasakan profesion perakaunan sektor awam.

Majlis Perasmian persidangan telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Menteri Kewangan II. Manakala Majlis Penutupan persidangan telah disempurnakan oleh YB Dato’ Wira Othman Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I.

Sepanjang persidangan berlangsung, 6 kertas kerja telah dibentangkan:-

Kertas Kerja 1

- Tajuk : *Governance & Accountability: The Role of Public Accountants in Governance & Accountability*
 Pembentang : YBhg. Datuk Muhammad Ibrahim, Gabenor Bank Negara Malaysia

Kertas Kerja 2

- Tajuk : *Professional Accountants- The Future, 50 Drivers of Change in the Public Sector*
 Pembentang : Maggie McGhee, Director of Professional Insights, ACCA UK.

Kertas Kerja 3

- Tajuk : *Economic Outlook*
 Pembentang : YBhg. Professor Emeritus Dr. Zakariah Abdul Rashid, Executive Director MIER.

Kertas Kerja 4

- Tajuk : *Leadership*
 Pembentang : Encik Novie Tajuddin, Director Strategy & Engagement, Yayasan Peneraju

Kertas Kerja 5

- Tajuk : *Shared Services*
 Pembentang : Dr. John Kidd, Director of UNDP

Kertas Kerja 6

- Tajuk : *Healthy Lifestyle*
 Pembentang : Encik Kevin Zahri Abdul Ghaffar, Health & Fitness Celebrity, KZ Events Sdn Bhd



Perasmian persidangan oleh YB Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, Menteri Kewangan II



Para peserta semasa sesi persidangan



Sesi keempat bersama Encik Novie Tajuddin



Sesi pembentangan kelima oleh Dr. John Kidd




Penyampaian cenderamata kepada Kevin Zahri



Barisan urusetia NAPSAC 2017

c. Memorandum Pelantikan Akauntan Negara Malaysia

Satu memorandum telah dihantar kepada YAB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada 13 September 2017. Memorandum ini telah disediakan dengan kerjasama Persatuan Penolong Akauntan JANM (PERPENA) dan Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERBAKTI) bertujuan untuk mengekalkan jawatan Akauntan Negara Malaysia disandang oleh Akauntan di bawah lantikan skim perkhidmatan Akauntan dalam perkhidmatan awam persekutuan. Memorandum ini telah diserahkan oleh Presiden PSA kepada Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) Menteri Kewangan.



Memorandum yang dihantar oleh PSA



Penyerahan memorandum oleh presiden PSA kepada SUSK YB MK

d. Penjualan *Booth* Pameran sempena Konvensyen Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia 2017

Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) telah mengadakan penjualan booth pameran sempena Konvensyen Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia 2017 bertempat di Marriot Hotel, Putrajaya pada 5 Oktober 2017. Antara agensi yang mengambil bahagian adalah Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, dan Affin Bank Berhad.

Bank Muamalat Malaysia Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, dan Affin Bank Berhad telah dipelawa untuk membuka booth pameran semasa konvensyen tersebut.



Sesi bergambar bersama TMK I dan peserta konvensyen



Booth pameran oleh Bank Muamalat

e. Majlis Penghargaan PSA

Satu majlis penghargaan PSA telah diadakan pada 9 Oktober 2017 bagi menghargai komitmen urusetia NAPSAC 2017 serta meraikan persaraan YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin bertempat di TeknoKafe @ Goat2Go Farm, MAEPS. Turut diraikan juga ahli majlis PSA yang telah melepaskan jawatan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PSA yang lalu.

f. Kunjungan Hormat ke Pejabat Akauntan Negara Malaysia

YBhg. Datuk Saat bin Esa telah dilantik sebagai Akauntan Negara Malaysia mulai 16 Oktober 2017 bagi menggantikan YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin yang bersara wajib pada 14 Oktober 2017. PSA telah mengadakan kunjungan hormat bagi menyampaikan ucapan tahniah atas pelantikan beliau sebagai Akauntan Negara Malaysia yang juga merupakan penaung PSA yang baharu.




Setiausaha Kehormat PSA menyampaikan cenderahati kepada ANM



ANM berkongsi pandangan dengan wakil PSA

g. Kunjungan Hormat ke Pejabat Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) Menteri Kewangan

Pada 31 Oktober 2017, satu kunjungan hormat telah diadakan ke Pejabat Setiausaha Kanan (SUSK) Menteri Kewangan bagi menyampaikan ucapan terima kasih berhubung pelantikan YBhg. Datuk Saat bin Esa sebagai Akauntan Negara Malaysia. Perjumpaan ini telah dihadiri oleh Presiden PSA, Timbalan Presiden PSA, Setiausaha Kehormat PSA, Presiden PERPENA dan Yang Dipertua PERBAKTI.



Penyampaian cenderahati kepada SUSK YB MK

h. Taklimat Kerjaya Berhubung Skim Akauntan di Majlis Perjumpaan Graduan Cemerlang Tahun 2017 Tajaan JPA bersama Ketua Setiausaha Negara dan Mini Karnival Kerjaya

Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menyertai Majlis Ketua Setiausaha Negara bersama graduan cemerlang dan mini karnival kerjaya pada 13 Februari 2018 bertempat di MAEPS, Serdang. Program ini disasarkan kepada 2900 orang graduan cemerlang tahun 2017 tajaan JPA dari dalam dan luar negara dan telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara. Encik Muhammad Hadi bin Harith, Pengerusi Biro Komunikasi PSA merangkap wakil akauntan JANM telah dipilih untuk memberikan taklimat kerjaya berhubung skim Akauntan.



Bersama Presiden PSA dan wakil JANM



Sesi Taklimat Kerjaya Skim Akauntan

i. Memorandum Bantahan Ke Atas Keperluan Keahlian Penuh Badan Ikhtisas Perakaunan (Profesional) Sebagai Syarat Kenaikan Pangkat Skim Akauntan Sektor Awam

Satu jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mengemukakan memorandum bantahan YAB Menteri Kewangan berkaitan keperluan keahlian penuh badan ikhtisas perakaunan (Profesional) sebagai syarat wajib kenaikan pangkat skim akauntan sektor awam. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Presiden PSA. Bagi tujuan ini, PSA telah mendapatkan maklum balas melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada semua akauntan sektor awam. Hasil dapatan telah digunakan oleh jawatankuasa untuk mencadangkan penambahbaikan kepada kriteria kecemerlangan skim Akauntan dengan tujuan memberi keadilan kepada semua pihak.

Memorandum bantahan tersebut telah dihantar ke pejabat YAB. Perdana Menteri, YB Menteri Kewangan II, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) pada 9 April 2018.

Memorandum bantahan yang telah dihantar ke pejabat PM



j. Bengkel Pemantapan Imej dan Etiket Profesional

Bengkel ini telah diadakan dengan jayanya pada 13 April 2018 bertempat di Pulse Grande Hotel, Putrajaya melibatkan seramai 70 orang peserta. Program telah dirasmikan oleh Encik Jafril Bin Junit, Presiden PSA dan perunding imej yang dijemput pada sesi kali ini ialah Puan MaryAnni Marasip dari Training Cube International Sdn. Bhd.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam membina gaya komunikasi, imej dan profesionalisme dalam kerjaya.



Sesi bergambar bersama peserta bengkel



Presiden PSA bersama Perunding Imej, Puan MaryAnni



Sesi perasmian oleh Presiden PSA

k. Cadangan Penubuhan Koperasi Warga Perakaunan Sektor Awam (KO-AKAUN)

Sebuah koperasi yang dikenali sebagai KO-AKAUN dicadangkan ditubuhkan atas inisiatif dan kerjasama daripada tiga (3) persatuan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia iaitu PSA, PERPENA dan PERBAKTI. Cadangan penubuhan koperasi ini di dalam peringkat penilaian Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Cadangan Penubuhan KO-AKAUN adalah bertujuan untuk menjaga kebajikan anggota yang berlatarbelakang profesion perakaunan sektor awam.

Pewujudan koperasi KO-AKAUN ini dapat meningkatkan pendapatan anggota melalui pelaburan dalam koperasi tersebut dan terbabit dalam aktiviti ekonomi secara kolektif dengan menggunakan mekanisme koperasi. Ini sejajar dengan usaha Kerajaan menjadikan sektor koperasi sebagai penyumbang dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) selepas sektor swasta dan awam. Disamping itu, ianya juga menjadi wadah dalam mengukuhkan jalinan silaturrahim dalam kalangan anggota koperasi.



Mesyuarat bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia



Jawatankuasa Penaja KO-AKAUN

I. **Persidangan Tahunan *The Chartered Institute Of Public Finance And Accountancy (CIPFA) 2018, Bournemouth, United Kingdom***

Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) dengan kerjasama *The Chartered Institute Of Public Finance And Accountancy (CIPFA)* telah menyelaraskan penyertaan akauntan-akauntan sektor awam Malaysia ke persidangan tahunan CIPFA 2018 yang diadakan pada 11 – 12 Julai 2018 bertempat di Bournemouth International Centre, Bournemouth, United Kingdom. Seramai enam (6) orang peserta telah menyertai program ini yang diketuai oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) dan ahli delegasi adalah akauntan-akauntan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) (1 orang), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (KPWKM) (1 orang), Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) (1 orang) dan Bintulu Port (2 orang).

Persidangan ini dirasmikan oleh Presiden CIPFA, Sarah Howard, Rakan Kongsi dan Ketua Sektor Awam di Grant Thornton. Pengisian sepanjang persidangan penuh dengan sesi pembentangan kertas kerja dan bengkel yang membincangkan topik-topik yang membuka minda para peserta terhadap peranan besar yang perlu dimainkan oleh akauntan sektor awam.



Barisan Delegasi Malaysia



Barisan Delegasi Malaysia

Selain itu, satu sesi perbincangan antara delegasi Malaysia dengan ketua pemasaran CIPFA, Salema Hafiz dan Associate Partners, IBM Global Business Services, Noel Cullen dan Rupert Clegg telah diadakan pada 13 Julai 2018. Perbincangan ini lebih bertumpukan peranan pemimpin sektor kewangan dalam menangani perubahan drastik dalam fungsi kewangan yang berasaskan teknologi robotik dan *Augmented Intelligence* (AI).



Sesi perbincangan bersama CIPFA dan wakil IBM Global Business Services



Bergambar bersama CIPFA dan wakil IBM Global Business Services

m. Taklimat Keahlian PSA kepada Lantikan Baharu Akauntan Gred WA41

Pada 25 Jun 2018, Pengerusi Biro Keahlian PSA telah memberikan taklimat berhubung keahlian PSA kepada lantikan baharu Akauntan gred WA41. Seramai 43 orang Akauntan Gred WA41 telah melapor diri di Jabatan Akauntan Negara Malaysia.



Akauntan Gred WA41 lantikan baharu



Taklimat oleh Biro Keahlian PSA

n. **Pembukaan Booth Keahlian PSA di Persidangan SAGA Agensi Kerajaan (SEGAC) 2018**

Pada 24-25 Julai 2018, Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA) telah dipelawa untuk membuka booth keahlian di Persidangan SAGA Agensi Kerajaan (SEGAC) 2018 bertempat di Holiday Villa Hotel, Johor Bahru. Objektif persidangan ini bertujuan memberi pendedahan terkini mengenai informasi sistem aplikasi kewangan dan perakaunan berkomputer yang memenuhi kriteria SAGA. Platform ini juga digunakan untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan dan perkongsian maklumat mengenai MPSAS.



Penerangan keahlian PSA kepada peserta persidangan



Pengerusi Biro Keahlian meneliti borang pendaftaran keahlian



Sesi pendaftaran keahlian PSA mendapat sambutan menggalakkan

LAPORAN KEAHLIAN PSA



LAPORAN KEAHLIAN PSA 2017/2018

LAPORAN KEAHLIAN PSA

a) Bilangan Keahlian PSA


Sehingga 31 Julai 2018, keahlian PSA yang aktif adalah seramai 775 orang. Sepanjang sesi 2017/2018, sebanyak 110 permohonan baharu telah diterima dan diluluskan. Seramai 75 keahlian baharu telah aktif manakala 25 permohonan masih belum aktif. Bilangan ahli yang bersara bagi tempoh tersebut adalah seramai 12 orang.

Keahlian PSA didapati telah meningkat sebanyak 10.4% berbanding jumlah keahlian seramai 702 orang pada 31 Julai 2017. Daripada 775 orang ahli, sebanyak 209 ahli adalah akauntan lelaki manakala 566 adalah akauntan wanita. Bilangan keahlian PSA ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

JADUAL 1 : BILANGAN KEAHLIAN PSA

Ahli PSA 2017/2018	
Bilangan Ahli pada 31/7/2017	702
Permohonan Keahlian	110
Permohonan Keahlian- Belum Aktif	(25)
Ahli Bersara	(12)
Jumlah Bilangan Ahli pada 31/7/2018	775

Pecahan Jantina



b. Permohonan Keahlian Secara *Online*

Sejak Disember 2016, PSA telah memperkenalkan permohonan keahlian secara atas talian bagi memudahkan proses permohonan baharu keahlian. Bagi Sesi 2017/2018, sebanyak 110 permohonan baharu keahlian secara *online* yang telah diproses. Sejak diperkenalkan, jumlah keseluruhan permohonan *online* yang telah diproses adalah sebanyak 222 permohonan. Penambahbaikan kepada perkhidmatan ini sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa.

JADUAL 3 : PERMOHONAN KEAHLIAN SECARA *ONLINE*

Perkara	1/12/2016 - 31/7/2017	1/8/2017 - 31/7/2018	Jumlah keseluruhan
Bilangan Permohonan Online	112	110	222

LAPORAN KEWANGAN PSA



LAPORAN KEWANGAN PSA 2017

LAPORAN WAKIL PENGURUSAN PERASAMA



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)
 Didaftarkan Di Bawah Akta Pertubuhan
 No. Pendaftaran 2678 (SEL) 09.04.1980

PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA LAPORAN WAKIL PENGURUSAN

Kami, **Jafril Bin Junit** dan **Saadiah Binti Yaacob** merupakan Presiden dan Bendahari Kehormat **Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA)**, dengan ini menyatakan bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Perbelanjaan dan Pendapatan beserta Nota Kepada Akaun telah disediakan dengan teratur dan kemaskini, untuk menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan persatuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Bagi pihak pengurusan;

Jafril Bin Junit C.A.(M)
 Presiden
 PSA

Tarikh : 2/8/2018

Bagi pihak pengurusan;

Saadiah Binti Yaacob C.A.(M)
 Bendahari Kehormat
 PSA

Tarikh : 31/7/2018

LAPORAN JURU AUDIT PERASAMA



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)
Didaftarkan Di Bawah Akta Pertubuhan
No. Pendaftaran 2678 (SEL) 09.04.1980

PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA LAPORAN JURU AUDIT

Kami selaku Juru Audit Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA), telah memeriksa Penyata Kewangan persatuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 termasuk dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Segala kenyataan dan keterangan berkenaan akaun yang dikehendaki telah pun diperolehi dan didapati betul.

Pada pendapat kami Penyata Kewangan yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Perbelanjaan dan Pendapatan beserta Nota Kepada Akaun memberikan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan persatuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan rekod perakaunan telah disenggara dengan teratur dan kemaskini.



Dato' Zamimi bin Awang C.A.(M)
Juru Audit

Tarikh : 2.8.2018



Rozaimi bin Idris C.A.(M)
Juru Audit

Tarikh : 2.8.2018

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PERASAMA



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)
Didaftarkan Di Bawah Akta Pertubuhan
No. Pendaftaran 2678 (SEL) 09.04.1980

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

	<u>NOTA</u>	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
HARTA SEMASA:			
Wang Di Tangan		88.85	-
Wang Di Bank		619,259.87	79,926.82
Simpanan Tetap	2	550,000.00	800,000.00
Yuran Tahunan Belum Terima	3	120,550.00	110,200.00
Akaun Belum Terima	4	28,730.00	6,480.00
Pendahuluan Pelbagai	5	8,322.09	8,322.09
Keuntungan Pelaburan Belum Terima	6	11,922.92	14,843.73
Inventori	8	14,610.00	20,550.00
JUMLAH HARTA SEMASA		<u>1,353,483.73</u>	<u>1,040,322.64</u>
TANGGUNGAN SEMASA:			
Akaun Belum Bayar		-	2,370.00
JUMLAH TANGGUNGAN SEMASA		<u>-</u>	<u>2,370.00</u>
HARTA SEMASA BERSIH		<u>1,353,483.73</u>	<u>1,037,952.64</u>
<u>Dibiayai Oleh:-</u>			
Lebihan Terkumpul Kumpulan Wang		1,037,952.64	995,692.10
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa		315,531.09	42,260.54
KUMPULAN WANG TERKUMPUL		<u>1,353,483.73</u>	<u>1,037,952.64</u>

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata ini dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)
Didaftarkan Di Bawah Akta Pertubuhan
No. Pendaftaran 2678 (SEL) 09.04.1980

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	<u>NOTA</u>	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
PENDAPATAN:			
Pendaftaran Ahli		1,700.00	1,075.00
Yuran Tahunan		15,225.00	17,525.00
Keuntungan Simpanan Tetap	7	23,658.91	27,566.48
Hibah		2,203.05	520.82
Persidangan Akauntan ke-28 (NAPSAC 2017)		1,012,686.40	-
Persidangan CIPFA		146,366.83	83,994.50
Persidangan CPA Australia		-	155,669.60
Lawatan Jakarta-Bandung		-	55,080.00
Persidangan ICMFA		106,608.47	-
Persidangan IIA		52,500.00	-
Pulangan Balik Perbelanjaan		-	9,251.62
Pulangan Petty Cash NAPSAC 2015		-	2,049.70
Lain-Lain Pendapatan		25,253.86	25,614.51
JUMLAH PENDAPATAN		<u>1,386,202.52</u>	<u>378,347.23</u>
PERBELANJAAN:			
Mesyuarat Agung Tahunan		6,555.50	5,425.00
Persidangan Akauntan ke-28 (NAPSAC 2017)		747,353.43	-
Mesyuarat Ahli Majlis		3,212.50	1,776.50
Sumbangan/ Cenderahati		18,047.60	6,366.00
Penyelenggaraan / Sewaan (Web PERASAMA)		1,240.02	4,486.23
Caj Bank		381.93	423.03
Persidangan CIPFA		125,029.55	78,576.93
Persidangan CPA Australia		-	155,003.00
Lawatan Jakarta-Bandung		-	77,920.00
Persidangan ICMFA		102,086.00	-
Persidangan IIA		52,890.33	-
Pertandingan Bowling		7,070.00	480.00
Motor Hunt PERASAMA 2017		4,799.57	-
Hapuskira Yuran Persidangan ke 26		-	2,080.00
Hapuskira Yuran <i>Treasure Hunt</i>		-	400.00
Hapuskira Suit PSA		-	1,280.00
Lain-Lain Perbelanjaan		2,005.00	1,870.00
JUMLAH PERBELANJAAN		<u>1,070,671.43</u>	<u>336,086.69</u>
Lebihan/(Kurangan) Tahun Semasa		<u>315,531.09</u>	<u>42,260.54</u>



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)
Didaftarkan Di Bawah Akta Pertubuhan
No. Pendaftaran 2678 (SEL) 09.04.1980

NOTA KEPADA AKAUN

1. DASAR PERAKAUNAN

1.1 Asas Perakaunan

Akaun Persatuan Akauntan Sektor Awam (PSA) telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah.

1.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

Pendapatan dan perbelanjaan telah diambilkira berasaskan kepada asas akruan.

2. SIMPANAN TETAP

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Baki pada 1 Januari	800,000.00	400,000.00
CAMPUR:		
Pelaburan tahun semasa	-	400,000.00
TOLAK:		
Dicairkan pada tahun semasa	250,000.00	-
Baki pada 31 Disember	<u>550,000.00</u>	<u>800,000.00</u>

3. YURAN TAHUNAN BELUM TERIMA

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Baki Pada 1 Januari	110,200.00	98,050.00
* Yuran Tahunan Semasa	<u>15,225.00</u>	<u>17,525.00</u>
	<u>125,425.00</u>	<u>115,575.00</u>
TOLAK:		
Terimaan Yuran Tahun Semasa	2,275.00	1,875.00
Terimaan Yuran Tunggakan	<u>2,600.00</u>	<u>3,500.00</u>
	<u>4,875.00</u>	<u>5,375.00</u>
Baki pada 31 Disember	<u>120,550.00</u>	<u>110,200.00</u>

*Yuran keahlian tahun 2017 dikira berdasarkan kepada bilangan ahli yang aktif pada tahun 2017 seramai 609 pada kadar bayaran yuran tahunan RM25 setiap ahli.



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)
Didaftarkan Di Bawah Akta Pertubuhan
No. Pendaftaran 2678 (SEL) 09.04.1980

4. AKAUN BELUM TERIMA

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
	RM	RM
RISDA	1,980.00	1,980.00
Yuran Persidangan Akauntan ke-26	-	2,080.00
Yuran Persidangan Akauntan ke-27	4,500.00	12,800.00
Sumbangan (Jualan Iklan Persidangan Akauntan ke-27)	-	15,000.00
Yuran Penyertaan <i>Treasure Hunt</i> (Sambutan 30 Tahun)	-	400.00
<i>Suits</i> PSA	-	1,280.00
Yuran Persidangan NAPSAC 2017	18,200.00	-
Lain-lain pendahuluan	4,050.00	-
	<u>28,730.00</u>	<u>33,540.00</u>
TOLAK:		
Hapuskira Yuran Persidangan Ke 26, Suit PSA dan Yuran Penyertaan <i>Treasure Hunt</i>	-	3,760.00
Terimaan Bayaran dari MIDA, Lembaga Pelabuhan Klang, DBKL Censoft & Konsortium Jaya	-	23,300.00
JUMLAH	<u><u>28,730.00</u></u>	<u><u>6,480.00</u></u>

5. PENDAHULUAN PELBAGAI

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
	RM	RM
Tajaan Bagi Kertas Kajian Terbaik Malaysia (MAREF)	5,000.00	5,000.00
Bayaran Cukai Bagi Tabung PERASAMA (LHDN)	2,192.09	2,192.09
Bayaran Cukai Pintu PKNS (Tabung Pelajaran Malaysia)	1,130.00	1,130.00
Domain & Hosting Web PERASAMA	-	-
JUMLAH	<u><u>8,322.09</u></u>	<u><u>8,322.09</u></u>

6. KEUNTUNGAN PELABURAN BELUM TERIMA

NO AKAUN	TEMPOH	Baki Pokok Pada 1.1.2017	%	Baki Faedah Belum Terima Pada 31 Disember 2017
30-549-000922-2	1.10.2017 - 1.10.2018	50,000.00	3.45	431.25
30-549-000923-5	1.10.2017 - 1.10.2018	50,000.00	3.45	431.25
30-549-000924-8	1.10.2017 - 1.04.2018	50,000.00	3.25	812.50
30-549-000925-1	1.10.2017 - 1.04.2018	50,000.00	3.25	812.50
30-549-001072-9	2.02.2017 - 2.02.2018	100,000.00	3.50	3,208.33
30-549-001073-2	2.02.2017 - 2.02.2018	100,000.00	3.50	3,208.33
30-549-000921-9	1.10.2017 - 1.10.2018	50,000.00	3.45	431.25
30-549-001201-5	7.04.2017 - 7.04.2018	50,000.00	3.45	1,293.75
30-549-001200-2	7.04.2017 - 7.04.2018	50,000.00	3.45	1,293.75
		<u><u>550,000.00</u></u>		<u><u>11,922.92</u></u>



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)

Didaftarkan Di Bawah Akta Pertubuhan

No. Pendaftaran 2678 (SEL) 09.04.1980

7. KEUNTUNGAN PELABURAN SIMPANAN TETAP

	<u>2017</u>	<u>2016</u>
	RM	RM
Terimaan Keuntungan Pelaburan Tahun Semasa	26,579.72	18,351.92
TOLAK:		
Keuntungan Pelaburan Tahun 2015 Yang Diterima pada 2016	-	5,629.17
Keuntungan Pelaburan Tahun 2016 Yang Diterima pada 2017	14,843.73	-
Keuntungan Pelaburan Tahun Semasa	<u>11,735.99</u>	<u>12,722.75</u>
CAMPUR:		
Keuntungan Pelaburan Belum Diterima Tahun 2016	-	14,843.73
Keuntungan Pelaburan Belum Diterima Tahun 2017	11,922.92	-
JUMLAH	<u>23,658.91</u>	<u>27,566.48</u>

8. INVENTORI BATIK JANM

	<u>2017</u>		<u>2016</u>	
	<u>Bil</u>	<u>RM</u>	<u>Bil</u>	<u>RM</u>
Baki Akhir Stok				
Kain Pasang Perempuan @ RM200; <i>crepe</i>	39	7,800.00	60	12,000.00
Kain Pasang Perempuan @ RM240; <i>satin</i>	6	1,440.00	9	2,160.00
Kain Pasang Lelaki @ RM120; <i>crepe</i>	36	4,320.00	42	5,040.00
Kain Pasang Lelaki @ RM150; <i>satin</i>	7	1,050.00	9	1,350.00
		<u>14,610.00</u>		<u>20,550.00</u>

LAPORAN TABUNG PELAJARAN PSA



TABUNG PELAJARAN PSA

LAPORAN PENTADBIR TABUNG PELAJARAN PSA 2017/2018

Pentadbir Tabung Pelajaran PSA yang telah dilantik oleh Ahli Majlis PSA bagi tempoh 1Jun 2016 hingga 31 Mei 2018 adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	YBrs.Encik Jafril bin Junit (mulai 6 September 2017)
Timbalan Pengerusi	:	Puan Faziyatun bt Mohamed Yahya
Bendahari	:	Encik Fazli b Mohamad Khairuddi
Setiausaha	:	Puan Noraida bt Alias
Pentadbir	:	Puan Hajar bt Mohd Noor Puan Juliana bt Saleh Encik Mohd Farid b Mohd Khalid@Ayob

Bagi tempoh pelaporan, mesyuarat telah diadakan sebanyak empat (4) kali. Aktiviti Pentadbir Tabung bertumpu untuk menguruskan hal-hal berkaitan pembubaran Tabung Pelajaran PSA. Penjualan pangsapuri Tabung PSA melalui tender kepada ahli PSA termasuk yang telah bersara telah diadakan pada 2 Mei 2017 sehingga 31 Julai 2017. Walau bagaimanapun sehingga tarikh tutup tender tiada sebarang tawaran diterima daripada ahli. Penjualan pangsapuri tersebut telah ditangguhkan pada 2017 apabila pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri(LHDN) telah membuat pengauditan di bawah Subsekyen 44(6)Akta Cukai Pendapatan 1967 pada 23 Oktober 2017 bagi rekod 2013 hingga 2015 dan Pentadbir Tabung telah dinasihatkan untuk mematuhi prosedur yang telah ditetapkan di bawah Subseksyen 44(6) bagi penjualan pangsapuri tersebut. Namun demikian Pentadbir telah mengadakan lawatan ke pangsapuri Tabung PSA pada 30 Oktober 2017. Gambar-gambar lawatan adalah seperti di lampiran.

Pada 13 April 2018, Pentadbir telah menerima maklumbalas penemuan pengauditan LHDN ke atas penyelesaian audit Tabung Pelajaran PSA di mana kelulusan di bawah subseksyen 44(6)Akta Cukai Pendapatan 1967 ditamatkan. Dengan itu Tabung Pelajaran PSA adalah tertakluk kepada cukai pendapatan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 serta tanggungjawab terhadap pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan di bawah seksyen 77/seksyen 77A Akta Cukai Pendapatan 1967. Manakala bagi penjualan pangsapuri, Pentadbir akan mengenalpasti agen hartanah bagi menguruskan penjualan pangsapuri kepada orang awam.



Lawatan Pentadbir Tabung PSA dan Wakil Ahli Majlis PSA ke Menara Sri Cengal



Pangsapuri Tabung PSA – Menara Sri Cengal

SENARAI CALON AHLI MAJLIS



SENARAI CALON AHLI MAJLIS 2018/2019

Bil.	Nama Calon	Agensi	Tandakan (X) (3 calon sahaja)
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			

USUL / CADANGAN



USUL/CADANGAN

Bil.	Usul / Cadangan	Pencadang
1.		
2.		
3.		
4.		

PERLEMBAGAAN PSA

An abstract graphic design featuring overlapping geometric shapes. The shapes are primarily triangles and polygons in various shades of gray, red, purple, and orange. The composition is dynamic, with the shapes creating a sense of depth and movement. The colors are vibrant and contrast well against the white background.

PERLEMBAGAAN PSA

PERLEMBAGAAN BAGI

PERTUBUHAN INDUK

PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (THE ASSOCIATION OF PUBLIC SECTOR ACCOUNTANTS, MALAYSIA)(PSA)

(PPM-008-14-09041980)

FASAL 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (THE ASSOCIATION OF PUBLIC SECTOR ACCOUNTANTS, MALAYSIA)(PSA)

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama :

(3) Taraf Pertubuhan : **Kebangsaan**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN, NO. 1, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62594 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN, NO. 1, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62594 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

1. Menyediakan saluran komunikasi yang diiktiraf dengan pihak berkuasa Kerajaan dan orang awam;
2. Melindungi kepentingan dan kebajikan semua ahli persatuan;
3. Menjalankan aktiviti yang berkaitan secara kondusif dan bersesuaian bagi mencapai visi dan misi persatuan;
4. Menganjurkan pelbagai aktiviti bagi mempromosikan hubungan baik persatuan dengan badan profesional perakaunan dan persatuan lain; dan
5. Mempromosi dan memupuk minat masyarakat dalam bidang perakaunan.

FASAL 4 KEAHLIAN

(1) Jenis keahlian Persatuan adalah seperti berikut:

A. Ahli Biasa

Akauntan yang berkhidmat di Kerajaan Persekutuan/Negeri/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan.

B. Ahli Bersekutu

Seseorang yang tidak layak untuk keahlian biasa boleh membuat permohonan kepada Ahli Majlis dan apabila kelulusannya dibuat sebagai Ahli Bersekutu dengan syarat:-

- i. pemohon adalah seorang akauntan yang telah meletak jawatan atau bersara daripada perkhidmatan Sektor Awam; atau
- ii. pemohon adalah seorang akauntan dalam syarikat di mana Kerajaan, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai kepentingan kawalan.

C. Ahli Seumur Hidup

Keahlian seumur hidup boleh diberikan kepada Ahli Biasa atau Ahli Bersekutu yang dibezakan oleh kelebihan atau keistimewaan tertentu dalam khidmatnya yang dianggap wajar oleh Ahli Majlis untuk diberikan keahlian tersebut dan atas pembayaran sekali seumur hidup sebanyak RM100.00.

D. Ahli Kehormat

- i. Ahli Kehormat hendaklah seseorang yang bukan ahli biasa, dan ahli bersekutu atau ahli seumur hidup.
- ii. Keahlian Kehormat boleh diberikan kepada orang tertentu yang dibezakan melalui khidmat dan sumbangannya dalam bidang perakaunan dan orang lain yang dianggap sesuai oleh Ahli Majlis untuk diberikan keahlian Kehormat.

(2) Permohonan Keahlian:

- i. Permohonan menjadi ahli hendaklah dihantar kepada Setiausaha Kehormat yang dikehendaki mengemukakan permohonan itu dengan secepat mungkin kepada Ahli Majlis untuk dipertimbangkan. Ahli Majlis boleh mengikut budi bicaranya menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab.
- ii. Pemohon yang permohonannya telah diluluskan seperti yang tersebut di atas, hanya akan diiktiraf sebagai ahli yang sah setelah pemohon membayar bayaran masuk dan yuran pendaftaran seperti yang ditetapkan.

(3) Hak Ahli:

(A) Ahli Biasa

Ahli biasa mempunyai hak seperti berikut:

- (i) memegang jawatan dalam Persatuan.
- (ii) mengundi dalam Mesyuarat Agung.
- (iii) menyertai kesemua atau mana-mana aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan.
- (iv) memeriksa semua rekod Persatuan dengan memberikan notis secara bertulis tidak lewat satu (1) minggu mengenai hasrat tersebut dan diberikan kepada Setiausaha Kehormat.

(B) Ahli Bersekutu dan Ahli Kehormat:

Mempunyai semua hak keistimewaan dan faedah ahli biasa kecuali hak untuk mengundi di Mesyuarat Agung atau memegang jawatan dalam Persatuan.

- (4) Semua ahli hendaklah mematuhi Perlembagaan dan tidak bertindak secara bertentangan dengan objektif atau merosakkan nama baik Persatuan.

RAYUAN:

- (1) Seorang ahli mempunyai hak untuk merayu secara bertulis kepada Ahli Majlis tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari bagi perkara berikut:
 - (a) Digantung keahlian; dan
 - (b) Dilucutkan keahlian oleh Ahli Majlis.
- (2) Ahli Majlis hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin selepas menerima rayuan bertulis itu, mengadakan Mesyuarat Ahli Majlis untuk mempertimbangkan rayuan tersebut. Keputusan Mesyuarat Ahli Majlis adalah muktamad.

FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

(1) Keahlian akan tamat sekiranya:

- (a) Kematian ahli
- (b) Kegagalan untuk memenuhi prasyarat keahlian
- (c) Tidak Siuman / Tidak Waras / Gila
- (d) Peletakan jawatan dengan kelulusan Ahli Majlis
- (e) Penamatan keahlian oleh Ahli Majlis

- (2) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Persatuan hendaklah memberi kenyataan bertulis dalam tempoh dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Kehormat dan menjelaskan segala hutangnya.
- (3) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang Persatuan atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik Persatuan boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Ahli Majlis. Sebelum Ahli Majlis memecat atau menggantung keahlian ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan Mesyuarat Agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan Persatuan ini adalah daripada:

- (1) Bayaran Masuk:
RM 25.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Sahaja).
- (2) Yuran tahunan
RM 25.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Sahaja).
- (3) Tempoh pembayaran yuran tahunan kedua dan seterusnya akan jatuh pada hari pertama Januari setiap tahun.
- (4) Ahli yang gagal membayar yuran dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pembayaran akan menerima surat peringatan yang ditandatangani oleh atau wakil Setiausaha Kehormat, dan hilanglah hak-hak keistimewaannya sebagai ahli sehingga yurannya telah dijelaskan.
- (5) Bayaran masuk dan yuran tahunan boleh diubah dari masa ke semasa oleh ahli di dalam Mesyuarat Agung.

FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

- (1) Pengelolaan Persatuan ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua ($1/2$) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah Ahli Majlis, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.
- (2) Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari yang ditetapkan oleh Ahli Majlis; dan jika korum tidak cukup selepas setengah ($1/2$) jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli yang hadir berkuasa untuk menjalankan mesyuarat tetapi tidak mempunyai kuasa untuk meminda undang-undang Persatuan.

- (3) Mesyuarat Agung Tahunan bagi Persatuan hendaklah diadakan secepat yang mungkin atau dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh Mesyuarat Agung tahunan terakhir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Ahli Majlis. Agenda Mesyuarat Agung Tahunan adalah:
- (a) mempertimbangkan laporan Ahli Majlis berkenaan aktiviti persatuan tahun yang lepas;
 - (b) mempertimbangkan laporan Bendahari Kehormat dan penyata kewangan yang telah diaudit pada tahun lalu;
 - (c) memilih Ahli-ahli Majlis dan melantik Juruaudit;
 - (d) menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
- (4) Notis awal Mesyuarat Agung Tahunan perlu menyatakan tarikh, masa dan tempat serta menyatakan perkara-perkara untuk perbincangan, usul untuk pindaan Perlembagaan, dan pencalonan untuk pemilihan Ahli Majlis hendaklah dihantar oleh Setiausaha Kehormat kepada semua ahli tidak lewat daripada dua puluh lapan (28) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Mesyuarat Agung Tahunan. Notis ini hendaklah pada masa yang sama dipaparkan secara nyata di pejabat berdaftar Persatuan sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan.
- (5) Pencalonan bagi pemilihan Ahli Majlis dan usul untuk perbincangan di Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dihantar kepada Setiausaha Kehormat tidak lewat dari dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang dijadualkan.
- (6) Setiausaha Kehormat perlu mendapatkan pengesahan secara bertulis daripada ahli yang dicalonkan awal tidak lewat tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang dijadualkan.
- (7) Setiausaha Kehormat hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan satu agenda mesyuarat termasuk salinan minit mesyuarat dan laporan aktiviti tahunan serta penyata kewangan Pertubuhan bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan dokumen-dokumen ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di alamat tempat urusan Persatuan.
- (8) Mesyuarat Agung Khas bagi persatuan ini boleh diadakan:
- (a) bila difikirkan mustahak oleh Ahli Majlis; atau
 - (b) atas permintaan beramai-ramai tidak kurang daripada dua puluh lima (25) orang ahli biasa dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya.
- (9) Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.
- (10) Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Kehormat kepada semua ahli-ahli sekurang-kurangnya lima belas (15) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- (11) Fasal 7(1) dan 7(2) di dalam perlembagaan ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan terpakai untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah (1/2) jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu, maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan

dalam masa enam (6) bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

- (12) Setiausaha Kehormat hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli satu salinan minit Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas dengan secepat yang mungkin setelah selesainya mesyuarat itu.

PROSEDUR PENGUNDIAN:

- (1) Pemilihan Ahli Majlis hendaklah dibuat melalui undian dengan mengangkat tangan (show of hands) di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
- (2) Keputusan yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut hendaklah ditentukan oleh undi majoriti ahli yang hadir dan melalui proksi :-
 - (a) Pengegaan Levi;
 - (b) Pindaan Perlembagaan Persatuan; dan
 - (c) Lain-lain perkara yang perlu dibuat undian.

FASAL 8 JAWATANKUASA

- (1) Ahli Majlis terdiri daripada dua puluh (20) ahli di mana sebelas (11) ahli adalah dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
- (2) Ahli Majlis yang dipilih melalui Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah memegang jawatan berikut:

Seorang (1) Presiden
Seorang (1) Timbalan Presiden
Seorang (1) Setiausaha Kehormat
Seorang (1) Bendahari Kehormat
Tujuh (7) orang Ahli Majlis Biasa
- (3) Ahli Majlis yang dipilih hendaklah melantik sembilan (9) ahli biasa sebagai Ahli Majlis Biasa dan tempoh bagi setiap pelantikan adalah selama dua (2) tahun.
- (4) Komposisi penuh Ahli Majlis hendaklah sekurang-kurangnya diwakili daripada tujuh (7) negeri yang berbeza.
- (5) Pemegang-pemegang jawatan persatuan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam Persatuan ini hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia.
- (6) Sekurang-kurangnya tiga (3) Ahli Majlis yang dilantik melalui Fasal 7 seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Ahli Majlis hendaklah bersara pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan tetapi boleh dicalonkan untuk pemilihan semula.
- (7) Pelantikan Ahli Majlis di bawah Fasal 8 (2) adalah untuk tempoh dua (2) tahun dan boleh diperbaharui mengikut kelulusan Ahli Majlis tetapi tidak boleh melebihi empat (4) tahun berturut-turut.
- (8) Fungsi Ahli Majlis ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan

Persatuan mengikut dasar am yang telah ditetapkan oleh mesyuarat agung.

Ahli Majlis seharusnya tidaklah boleh mengambil tindakan yang bertentangan dengan mesyuarat agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya dan Ahli Majlis mestilah sentiasa mematuhi keputusan mesyuarat agung. Ahli Majlis hendaklah mengemukakan laporan berkenaan kegiatannya dalam tahun yang lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung.

- (9) Ahli Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada Ahli Majlis empat belas (14) hari terlebih dahulu. Pengerusi dengan bersendirian atau tidak kurang daripada tiga (3) orang Ahli Majlis bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Ahli Majlis pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah (1/2) daripada bilangan Ahli Majlis hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- (10) Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Ahli Majlis dan mesyuarat Ahli Majlis tidak dapat diadakan, maka Setiausaha Kehormat bolehlah mendapatkan kelulusan daripada Ahli-Ahli Majlis secara pengedaran surat pekeliling. Syarat-syarat mengenainya seperti berikut mestilah disempurnakan sebelum keputusan Ahli Majlis.
 - (a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang diedarkan kepada tiap-tiap Ahli Majlis;
 - (b) Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan Ahli Majlis mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka terhadap itu; dan
 - (c) Keputusan hendaklah dengan undi yang majoriti. Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha Kehormat kepada mesyuarat Ahli Majlis berikutnya untuk disahkan dan dicatatkan dalam minit.
- (11) Ahli Majlis yang tidak menghadiri mesyuarat Ahli Majlis tiga (3) kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan.
- (12) Jika seorang Ahli Majlis meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi tertinggi di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Ahli Majlis melantik ahli yang lain memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang seterusnya.
- (13) Ahli Majlis boleh memberi arahan kepada Setiausaha Kehormat dan pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan Persatuan, dan melantik pengurus dan kakitangan yang difikirkan mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, engkar menjalankan keputusan Ahli Majlis, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan Persatuan.
- (14) Ahli Majlis boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang ahli Jawatankuasa.
- (15) Di antara Mesyuarat Agung Tahunan, Ahli Majlis hendaklah mentafsirkan Perlembagaan Persatuan dan apabila perlu, menentukan mana-mana perkara

yang tidak dinyatakan di dalam perlembagaan.

- (16) Kecuali apabila terdapat apa-apa yang bertentangan atau tidak konsisten dengan dasar yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Agung, keputusan Ahli Majlis akan dipatuhi semua ahli Persatuan kecuali dan sehingga ia ditangguhkan oleh Mesyuarat Agung.
- (17) Ahli Majlis berdasarkan cadangan daripada Jawatankuasa Tatatertib boleh menamatkan keahlian mana-mana ahli, yang pada pendapatnya, telah bertindak bertentangan dengan Perlembagaan Persatuan.
- (18) Ahli Majlis boleh melantik seorang ahli biasa sebagai Penolong Setiausaha Kehormat dan/atau Penolong Bendahari Kehormat. Tugas dan tanggungjawab Penolong Setiausaha Kehormat dan/atau Penolong Bendahari Kehormat akan ditentukan oleh Ahli Majlis.

FASAL 9 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

- (1) Pengerusi dalam tempoh menyandang jawatannya, hendaklah menjadi pengerusi semua mesyuarat agung dan semua mesyuarat Ahli Majlis dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani minit mesyuarat bila ia diluluskan.
- (2) Timbalan Pengerusi hendaklah memangku tugas Pengerusi semasa ketiadaannya.
- (3) Setiausaha Kehormat hendaklah menjalankan kerja pentadbiran Persatuan mengikut perlembagaan dan hendaklah ia menjalankan semua perintah mesyuarat agung dan Ahli Majlis. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan surat menyurat dan menyimpan semua rekod dan dokumen Persatuan, kecuali buku-buku akaun dan dokumen kewangan. Setiausaha Kehormat hendaklah menyimpan buku daftar ahli yang mengandungi maklumat terperinci ahli mengikut kategori seperti nama, tempat dan tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pekerjaan, nama dan alamat majikan dan alamat rumah kediaman tiap-tiap ahli. Ia hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan mesyuarat.
- (4) Bendahari Kehormat adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Persatuan. Dia hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya atas ketepatan penyata kewangan persatuan yang terdiri daripada penyata penerimaan dan perbelanjaan serta kunci kira-kira.
- (5) Tugas-tugas Ahli Majlis Biasa akan ditentukan oleh Majlis.

FASAL 10 KEWANGAN

- (1) Semua yuran melalui bayaran, langganan, derma, subsidi, pendapatan atau lain-lain penerimaan daripada aktiviti-aktiviti Persatuan akan dikreditkan ke dalam dana Persatuan.

- (2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut dalam perlembagaan ini dan penetapan peraturan kewangan persatuan, wang Persatuan ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Persatuan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah juruaudit.
- (3) Bendahari Kehormat dibenarkan menyimpan wang tunai pendahuluan dengan had maksima sebanyak RM5,000 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam akaun bank yang diluluskan oleh Ahli Majlis atas nama Persatuan.
- (4) Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang daripada akaun Persatuan hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi (atau semasa ketiadaannya, oleh Timbalan Presiden), Setiausaha Kehormat atau Bendahari Kehormat. Walaubagaimanapun, Ahli Majlis berhak melantik sesiapa antara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau pengeluaran wang Persatuan semasa ketiadaan Setiausaha Kehormat atau Bendahari Kehormat.
- (5) Had perbelanjaan dan kuasa melulus perbelanjaan persatuan adalah seperti berikut:
 - (a) Perbelanjaan yang lebih daripada RM5,000 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Ahli Majlis.
 - (b) Perbelanjaan yang lebih daripada RM1,500,000 (Ringgit Malaysia Satu Juta Lima Ratus Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa tidak boleh dilakukan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agung Tahunan.
 - (c) Perbelanjaan RM5000 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Ringgit Sahaja) ke bawah bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Presiden.
 - (d) Perbelanjaan RM3000 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu Ringgit Sahaja) ke bawah bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Timbalan Presiden.
 - (e) Perbelanjaan RM1000 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Ringgit Sahaja) ke bawah bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Bendahari Kehormat.
- (6) Penyata kewangan bagi tahunan hendaklah disediakan oleh Bendahari Kehormat dan diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik di bawah Fasal 11 perlembagaan ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kewangan yang telah diaudit itu hendaklah diedarkan untuk makluman ahli-ahli dan dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut. Setiap salinan tersebut hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di tempat urusan Persatuan.
- (7) Dana Persatuan yang tidak diperlukan untuk perbelanjaan semasa boleh atas arahan Ahli Majlis dilaburkan kepada Pemegang Amanah dalam Sekuriti Kerajaan dan/atau Deposit Tetap.
- (8) Tahun kewangan Persatuan ini hendaklah bagi tempoh 12 bulan iaitu bermula dari 1 Januari.

FASAL 11 JURUAUDIT

- (1) Dua orang dalam kalangan ahli biasa hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Juruaudit. Juruaudit yang dilantik akan memegang jawatannya sehingga dia meletakkan jawatan atau Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.
- (2) Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa penyata kewangan Persatuan bagi setahun. Juruaudit hendaklah membuat perakuan dan menandatangani penyata kewangan tersebut untuk pertimbangan Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka juga dikehendaki pada bila-bila masa oleh Pengerusi mengaudit penyata kewangan Persatuan pada bila-bila masa di dalam tempoh perkhidmatan mereka dan membuat laporan kepada Ahli Majlis.

FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH

- (1) Segala harta tidak alih Persatuan hendaklah didaftarkan atas nama Persatuan dan segala surat cara pelaksanaan berkaitan dengan harta ini dianggap sah dan berkuatkuasa seolah-olah ianya telah dilaksanakan oleh seorang tuan punya berdaftar dengan syarat surat cara itu disempurnakan oleh tiga (3) orang pemegang jawatan persatuan (Presiden, Setiausaha Kehormat, Bendahari Kehormat) pada masa itu yang mana perlantikan mereka disahkan melalui sijil perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan dan dimeteri dengan meteri Pertubuhan.
- (2) Seorang Pemegang Amanah boleh dipecat dari jawatan oleh suatu Mesyuarat Agung atas alasan kesihatan yang tidak baik, ketidaksempurnaan fikiran, keluar negara atau atas apa-apa sebab lain, yang menyebabkan tugasnya tidak dapat dilaksanakan atau tidak dapat melakukannya pada tahap yang memuaskan. Sekiranya berlaku kematian, perletakan jawatan atau pemindahan Pemegang Amanah, kekosongan itu hendaklah diisi oleh Pemegang Amanah baru yang dilantik oleh Mesyuarat Agung secepat mungkin.
- (3) Harta tidak alih Pertubuhan tidak boleh dijual, digadai, ditarik balik atau ditukar milik tanpa persetujuan Mesyuarat Agung.

FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN

- (1) "Persatuan" merujuk kepada Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (The Association of Public Sector Accountants, Malaysia).
- (2) "Akauntan" merujuk kepada Akauntan yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam atau seseorang yang mempunyai kelayakan dan pengalaman perakaunan yang diiktiraf setaraf dengan syarat minimum untuk kemasukan sebagai akauntan dalam Perkhidmatan Awam.
- (3) "Sektor Awam" merujuk kepada Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia.
- (4) Dalam tempoh di antara dua Mesyuarat Agung, Ahli Majlis boleh memberikan tafsirannya kepada perlembagaan ini dan Ahli Majlis, jika perlu, boleh memutuskan perkara-perkara yang kurang jelas di dalam perlembagaan ini.

- (5) Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Ahli Majlis terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan Mesyuarat Agung.

FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG

Akauntan Negara Malaysia dilantik sebagai Penaung Persatuan.

FASAL 15 LARANGAN

- (1) Sebarang bentuk perjudian seperti yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Judi Terbuka, 1953 adalah dilarang di permis persatuan.
- (2) Persatuan atau ahli-ahlinya tidak harus cuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan pekerja seperti definisi di dalam Akta Kesatuan Pekerja 1959.
- (3) Persatuan ini tidak boleh menjalankan loteri sama ada dikhaskan kepada ahli-ahli atau tidak, atas nama Persatuan atau pegawai-pegawai atau Ahli Majlis atau ahli, tanpa kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.
- (4) Faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan 1966, tidaklah boleh diberikan oleh Persatuan kepada mana-mana ahlinya.
- (5) Semua wang dan keuntungan yang didapati oleh Persatuan ini hasil daripada penyertaannya dalam kegiatan ekonomi hendaklah disalurkan kembali kepada persatuan bagi mencapai matlamat persatuan ini dan tidak boleh digunakan untuk membayar faedah,keuntungan atau bonus kepada mana-mana ahli Persatuan. Sungguhpun begitu peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran gaji atau perbelanjaan pentadbiran atau kedua-duanya kepada mana-mana ahli atau pekerja Persatuan.
- (6) Persatuan penganut tidak dibenarkan mentadbir rumah ibadat.

FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN

Perlembagaan ini tidak boleh dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Permohonan untuk pindaan perlembagaan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Agung yang meluluskan pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 17 PEMBUBARAN

- (1) Persatuan ini boleh dibubarkan secara sukarela melalui persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dalam suatu Mesyuarat Agung yang dipanggil khas kerananya.

- (2) Sekiranya Persatuan hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung yang berkenaan.
- (3) Permohonan pembubaran ini hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh keputusan pembubaran itu.

FASAL 18 **BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA**

1. Bendera
 -
 - Keterangan
 -
2. Lambang



Keterangan

- a) PSA MALAYSIA membawa maksud Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (The Association of Public Sector Accountants, Malaysia).
 - b) GLOB DUNIA melambangkan Akauntan Sektor Awam Malaysia bertaraf global.
 - c) Warna MERAH melambangkan akauntabiliti.
 - d) Garisan KUNING melambangkan keunggulan PSA sebagai persatuan akauntan sektor awam yang berprestij.
 - e) Warna PUTIH melambangkan integriti dan ketelusan peribadi.
 - f) Warna BIRU melambangkan profesionalisme.
3. Lencana
 -
 - Keterangan
 -

PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)

d/a Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Kompleks Kementerian Kewangan

No. 1 Persiaran Perdana, Presint 2

62594 PUTRAJAYA

Tel: 03-8882 1181 Email: councilpsa@anm.gov.my